



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


03 JUN 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **203 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **63,019 kes**. Tujuh (7) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Sandakan, satu (1) kes di Kota Kinabalu, satu (1) kes di Lahad Datu, satu (1) kes di Kunak, satu (1) kes di Semporna dan satu (1) kes lagi di Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 201 menjadikan jumlah kumulatif 60,366 orang. Seramai 1,734 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 460 orang di hospital dan 1,274 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 77 orang dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dilaporkan pada hari ini.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 16 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning tujuh (7) daerah
- Zon Hijau tiga (3) daerah

Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 51 kes iaitu daripada 254 kes kelmarin (2 Jun 2021) kepada 203 kes (3 Jun 2021).
- ii Daripada 203 kes jangkitan baharu hari ini, 121 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 21 kes adalah daripada saringan kluster, 43 kes adalah daripada saringan bergejala, enam (6) kes daripada saringan bersasar dan 12 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 12 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Sembilan (9) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka manakala tiga (3) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kunak (-35), Sandakan (-23) dan Lahad Datu (-12).
- iv Walau bagaimanapun, terdapat sembilan (9) daerah yang mencatatkan peningkatan kes hari ini pada julat satu (1) angka. Daerah Keningau kekal catatan kes baharu sebagaimana hari kelmarin iaitu dengan dua (2) kes.
- v Pada hari ini, enam (6) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Tongod, Pitas, Sipitang, Tenom dan Tambunan.
- vi Sabah mengalami trend penurunan sebanyak dua (2) hari berturut-turut. Sungguhpun begitu, daerah-daerah yang berzon hijau kini telah berkurangan daripada sebelumnya menandakan adanya jangkitan baru sebagai tanda kebarangkalian berlakunya ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan.
- vii Keberkesanan penurunan kes dalam membendung penularan pandemik Covid-19 ini sangat bergantung kepada sejauh mana kesungguhan komuniti dalam pematuhan SOP sendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Jalan Coastal Sembulan Kota Kinabalu melibatkan kakitangan syarikat konsesi parkir, Secure Parking dekat Riverson Sembulan di ibu negeri. Kluster indeks merupakan lelaki, 38, juruteknik di syarikat terbabit telah bergejala sejak 25 Mei 2021, sebelum disahkan positif pada 27 Mei 2021 oleh Klinik Kesihatan Luyang. Susulan kes itu, hasil saringan kontak mendapati enam (6) lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif kluster ini sebanyak tujuh (7) kes, termasuk satu (1) kes di Papar dan enam (6) kes di Kota Kinabalu. Berdasarkan siasatan awal, penularan jangkitan COVID-19 berkemungkinan merebak di kawasan tempat kerja. Pasukan kesihatan kini giat menjalankan aktiviti pengesanan kontak dan punca jangkitan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,081 unit

- Hospital 649 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,012 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 42.49%

B PERGERAKAN RENTAS DAERAH

Pergerakan rentas daerah bagi penerima vaksin yang perlu merentas daerah haruslah menyediakan bukti temujanji penerimaan vaksin dari Pusat Penerimaan Vaksin (PPV) untuk memudahkan penerima vaksin melepasi di Sekatan Jalan Raya (SJR) di daerah masing-masing. Manakala, para penjawat awam juga dinasihatkan agar menyediakan surat kebenaran majikan secara bercetak atau bersedia menyediakan paparan di handphone lebih awal bagi melancarkan pergerakan ketika berada di SJR.

C KEBENARAN OPERASI PERKHIDMATAN FIRMA KHIDMAT PROFESIONAL SEPANJANG TEMPOH PERLAKSANAAN PKP DI NEGERI SABAH

Kebenaran operasi perkhidmatan firma khidmat profesional sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri sabah mulai 01 Jun hingga 14 Jun 2021 adalah seperti berikut:

Masa Operasi : 7.00 pagi hingga 7.00 malam

Bilangan Kapasiti Pekerja :

Bilangan Anggota Pekerja Sedia Ada	Peratus Bilangan Kapasiti Pekerja Dibenarkan
1 hingga 5 orang	100%
6 hingga 10 orang	80%
11 keatas	60%

D KEBENARAN OPERASI PERKHIDMATAN SEKTOR PERBANKAN SEPANJANG PKP DI NEGERI SABAH

kebenaran operasi perkhidmatan sektor perbankan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri Sabah mulai 01 Jun hingga 14 Jun 2021 adalah seperti berikut:

Masa Operasi : 8.30 pagi hingga 5.30 petang

Masa Kehadiran Pelanggan : 9.30 pagi hingga 3.00 petang

Bilangan Kapasiti Pekerja :

Bilangan Anggota Pekerja Sedia Ada	Peratus Bilangan Kapasiti Pekerja Dibenarkan
1 hingga 5 orang	100%
6 hingga 10 orang	80%
11 keatas	60%

E PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA SEMENANJUNG MALAYSIA DAN SARAWAK

Panduan kebenaran / larangan masuk ke Sabah daripada Semenanjung Malaysia dan Sarawak adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

F PKPD KAMPUNG SUGUD, PENAMPANG

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan Kampung Sugud, Penampang.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 29 ujian saringan dan 12 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang amat ketara dalam masa yang singkat dengan kadar kebolehhajangan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sugud, Penampang berkuat kuasa 05 Jun sehingga 18 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

G PKPD 4 LOKALITI DI TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan empat (4) lokaliti di Tawau iaitu:
 - Taman Millenium
 - Taman Wawasan
 - Kawasan Semarak
 - Kampung Jawa Kongsi 10

- 2 Sehingga kini, KKM telah merekodkan 85 kes positif iaitu 16 kes di Taman Millenium, Taman Wawasan (13), Kawasan Semarak (55) dan Kampung Jawa Kongsi 10 (12).
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di empat (4) lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 05 Jun sehingga 18 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke lokaliti lain.

H PKPD KAMPUNG PENGARABAN, KUDAT

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan Kampung Pengaraban, Kudat.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 24 ujian saringan dan lapan (8) kes positif telah direkodkan dengan kadar positifiti pula ialah 33.33%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pengaraban, Kudat berkuat kuasa 05 Jun sehingga 18 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

I PENAMATAN PKPD KAMPUNG PISANG, TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pisang, Tawau yang dijadualkan tamat pada 04 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 366 ujian saringan dan 18 daripadanya disahkan positif COVID-19.

3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Pisang, Tawau pada 04 Jun 2021, seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

J PENAMATAN PKPD KAMPUNG INDANI, SEMPORNA

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Indani, Semporna yang dijadualkan tamat pada 04 Jun 2021.

2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 143 ujian saringan dan 14 daripadanya disahkan positif COVID-19.

3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Indani, Semporna pada 04 Jun 2021, seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

K STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat hari ini, **275** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,010** orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **12** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,047** orang.

3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **5,635** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **82,310** orang.

- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **2,149** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **29,927** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **8,468** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **574,089** (mysejahtera 510,124 : laman web 63,754 : talian vaksinasi 211) bersamaan 19.6%.

L BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **327,301** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

M LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 104 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 52,999 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 377 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda dengan empat (4) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 115 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 42 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - 19 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - Empat (4) orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran.
 - Empat (4) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.
 - Lapan (8) orang : Keluar rumah tanpa alasan munasabah.
 - 13 orang : Aktiviti sukan.
 - 19 orang : Tiada penjarakan sosial.
 - Enam (6) orang : Membawa penumpang berlebihan.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 79 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 41 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Dermaga dan Pelabuhan Sabah 2002 dan satu (1) lagi di bawah Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 319 lokasi melibatkan seramai 193 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 44 anggota di 39 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah iaitu di daerah Semporna, Kinabatangan, Lahad datu, Sandakan, Tuaran, Keningau dan Kota Belud.
- 7 Sejumlah 400 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 19 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 213 hebahan di seluruh Sabah

N KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **96.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	97%
2	Beluran	97%
3	Kudat	97%
4	Sipitang	97%
5	Beaufort	97%
6	Kota Belud	97%
7	Keningau	97%
8	Kinabatangan	96%
9	Kunak	96%
10	Lahad Datu	96%
11	Semporna	96%
12	Kota Marudu	96%
13	Kota Kinabalu	96%
14	Tuaran	96%
15	Sandakan	96%
16	Ranau	96%
17	Tawau	95.5%
18	Papar	95.5%
19	Penampang	95.5%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A

PKP

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA SEMENANJUNG MALAYSIA DAN SARAWAK BERKUATKUASA 1 JUN 2021 – 14 JUN 2021 (11:59 malam) *

TAMBAHAN SUB-KATEGORI BAGI PENGANGKUTAN DARAT (TRANSPORTER) / ESSENTIAL GOODS MELALUI JALAN DARAT DARI SARAWAK SAHAJA

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK	TIDAK DIBENARKAN MASUK
1	Warganegara	(f) Pengangkutan darat (Transporter) melalui jalan darat daripada Sarawak	i. HENDAKLAH mengemukakan surat / dokumen-dokumen sokongan kepada pegawai Imigresen dan Kesihatan Negeri di pintu-pintu masuk negeri Sabah. ii. HENDAKLAH mematuhi SOP sedia ada seperti di Lampiran A.	i. TIDAK meemukakan surat / dokumen-dokumen sokongan. ii. TIDAK MEMATUHI SOP sedia ada seperti di Lampiran A
ORANG AWAM YANG TIDAK DISENARAikan DALAM KATEGORI ADALAH TIDAK DIBENARKAN MASUK KE NEGERI SABAH				

Nota:

- SOP SEKTOR PENGANGKUTAN LORI MEMASUKI W.P. LABUAN yang disediakan oleh Kementerian Kerja Raya Sabah (seperti di Lampiran A) adalah digunakan bagi kemasukan pekerja dan pemandu untuk kategori ini.
- Setiap kemasukan pekerja dan pemandu adalah tertakluk kepada penilaian risiko oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

PKP

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN BAGI KATEGORI KESELAMATAN DAN KESIHATAN (PERUBATAN); ESSENTIAL SERVICES DAN ESSENTIAL GOODS; DAN KECEMASAN ATAU REVIEW DI HOSPITAL BERKUATKUASA 1 JUN 2021 – 14 JUN 2021 (11:59 malam) *



PROSEDUR OPERASI STANDARD

SEKTOR PENGANGKUTAN LORI MEMASUKI W.P. LABUAN

Lampiran A

KEMASKINI PADA 25 MEI 2021 - KKRS

Merangkumi

Operasi perkhidmatan lori memasuki W.P. Labuan

- Menjalankan perkhidmatan menghantar dan memunggah barangan

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

- Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
- Pekeliling MKN & KKM
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
- Akta Pengangkutan Jalan 1987
- Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
- Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

Waktu Beroperasi	05:00 Pagi hingga 11.00 Malam	Waktu Kehadiran Pelanggan	05:00 Pagi hingga 11.00 Malam	Kapasiti Bekerja Pengurusan:	100%
				Sokongan:	100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Saringan gejala, suhu & pelitup muka oleh Pemandu dan Pekerja	Pemandu dan Pekerja •Perlu menjalani saringan gejala dan merekodkan suhu sebelum memulakan tugas. •Tidak dibenarkan bertugas sekiranya bergejala. •WAJIB Memakai pelitup SEPARUH muka sepanjang masa bertugas. •Mengurangkan interaksi sepanjang masa. •Setiap pemandu yang melintasi DAERAH/ZON/NEGERI perlu mendapatkan kebenaran PDRM terlebih dahulu. •Pemandu TIDAK DIBENARKAN berhenti dimana-mana restoran/tempat awam sepanjang perjalanan kecuali kecemasan sahaja. •Keputusan negatif bagi ujian RT-PCR lima (5) hari sebelum memasuki W.P. Labuan.* •Bagi pemandu dan pekerja yang mempunyai Kad Harian Transporter bagi tujuan keluar masuk W.P Labuan secara "daily trip", diwajibkan membuat ujian RT-PCR setiap dua (2) minggu dan wajib menjalankan RTK-Antigen setiap seminggu. •Perlu mendapat surat daripada pihak majikan/syarikat/jabatan

* Difahamkan pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 (JKPBC19) W.P. Labuan hanya menerima keputusan negatif ujian RT-PCR tiga (3) hari sebelum memasuki W.P. Labuan
 * Hanya ujian RT-PCR sahaja yang diterima oleh JKPC19 W.P. Labuan.

PKP

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARI **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN** BAGI KATEGORI KESELAMATAN DAN KESIHATAN (PERUBATAN); **ESSENTIAL SERVICES** DAN **ESSENTIAL GOODS**; DAN KECEMASAN ATAU REVIEW DI HOSPITAL BERKUATKUASA **1 JUN 2021 – 14 JUN 2021 (11:59 malam)** *



PROSEDUR OPERASI STANDARD

SEKTOR PENGANGKUTAN LORI MEMASUKI W.P. LABUAN

Lampiran A

KEMASKINI PADA 25 MEI 2021 - KKRS

Merangkumi**Operasi perkhidmatan lori memasuki W.P. Labuan**

- Menjalankan perkhidmatan menghantar dan memunggah barangan

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

1. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. Pekeliling MKN & KKM
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987
5. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
6. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

Waktu Beroperasi	05:00 Pagi hingga 11.00 Malam	Waktu Kehadiran Pelanggan	05:00 Pagi hingga 11.00 Malam	Kapasiti Bekerja Pengurusan:	100%
				Sokongan:	100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pengesanan & Pendaftaran	•Pemandu dan pekerja diwajibkan mengguna pakai aplikasi QR Code bagi mendaftar setiap kali menggunakan perkhidmatan feri, gudang asal dan destinasi akhir melalui aplikasi MySejahtera atau secara manual dengan menulis maklumat diri dan nombor telefon.
Mengambil dan menurunkan barang-barang	•Pengusaha hanya boleh mengambil dan menurunkan barang-barang di gudang asal dan destinasi akhir sahaja. •Lori TIDAK DIBENARKAN singgah di mana-mana perhentian termasuklah restoran.
Menggalakkan penggunaan fasiliti dan transaksi elektronik	•Menggalakkan pembelian tiket secara online dan penggunaan kad transaksi bukan tunai seperti konsep pas bulanan dan aplikasi touch n go bagi pembelian tiket feri dan pembayaran ke Jabatan Kerajaan yang terlibat.
Menggalakkan penggunaan Hand Sanitizer	•Pemandu dan penumpang diwajibkan menggunakan <i>hand sanitizer</i> sebelum dan selepas mengambil/menurunkan barang-barang.
Pembersihan dan Sanitasi	•Pembersihan lori dan fasiliti selepas setiap trip serta di deph setelah tamat waktu operasi.

PKP

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARI **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN** BAGI KATEGORI KESELAMATAN DAN KESIHATAN (PERUBATAN); **ESSENTIAL SERVICES** DAN **ESSENTIAL GOODS**; DAN KECEMASAN ATAU REVIEW DI HOSPITAL BERKUATKUASA **1 JUN 2021 – 14 JUN 2021 (11:59 malam)** *



PROSEDUR OPERASI STANDARD

SEKTOR PENGANGKUTAN LORI MEMASUKI W.P. LABUAN

Lampiran A

KEMASKINI PADA 25 MEI 2021 - KKRS

Merangkumi**Operasi perkhidmatan lori memasuki W.P. Labuan**

- Menjalankan perkhidmatan menghantar dan memunggah barangan

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

1. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. Pekeliling MKN & KKM
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987
5. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
6. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

Waktu Beroperasi	05:00 Pagi hingga 11.00 Malam	Waktu Kehadiran Pelanggan	05:00 Pagi hingga 11.00 Malam	Kapasiti Bekerja Pengurusan:	100%
				Sokongan:	100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kewajipan Pengusaha	•Melaksanakan saringan gejala dan memeriksa suhu ke atas pemandu dan pekerja. •Menyediakan QR code MySejahtera di setiap Gudang. •Merekodkan semua maklumat pemandu dan pekerja secara manual atau menggunakan aplikasi MYSejahtera. •Menyediakan hand sanitizer di lokasi perkhidmatan gudang. •Menyediakan maklumat terkini berkaitan isu pandemik dan maklumat umum kepada pemandu dan pekerja. •Pengusaha BERHAK menghalang pemandu untuk tidak berkerja sekiranya bergejala.